



SIARAN AKHBAR

PENGELUARAN SIRI BAHARU KELUARGA MATA WANG

1. Berikutan pengumuman Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengenai Siri Baharu Keluarga Mata Wang pada 22 September 2025, siri mata wang ini – dalam denominasi BND1, BND5, BND10, BND100 dan BND500 – boleh diperolehi melalui bank-bank tempatan bermula hari Isnin, 9 Mac 2026.
2. Pengedaran mata wang baharu ini akan dilaksanakan melalui bank-bank tempatan, tertakluk kepada stok dan ketersediaannya.
3. Siri baharu ini memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan selaras dengan perkembangan mata wang global agar mengukuhkan lagi integriti mata wang Negara Brunei Darussalam serta mencegah pemalsuannya. Inisiatif ini mencerminkan komitmen BDCB dalam memastikan mata wang Brunei kekal selamat dan boleh dipercayai, mengambil kira penggunaan mata wang fizikal masih memainkan peranan penting di samping peralihan negara ke arah ekonomi digital.
4. BDCB seterusnya ingin memaklumkan bahawa semua mata wang yang sedia ada dalam edaran masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama-sama siri mata wang baharu ini.
5. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web BDCB www.bdcdb.gov.bn atau melalui akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 12 Ramadhan 1447H/ 2 Mac 2026M

Rujukan: BDCB/COMMS/3